

UEM Edgenta Sumbang Bekalan Asas Makanan Kepada 1,000 Mangsa Banjir Di Segamat

KUALA LUMPUR, 22 Mac - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur yang terkemuka di rantau ini, telah menyumbang sokongan bantuan makanan bernilai RM 50,000 bagi membantu 1,000 keluarga yang terjejas akibat banjir di Segamat, Johor.

Sumbangan bekalan asas makanan itu terdiri daripada barangan keperluan seperti beras, tepung, gula, biskut, minyak masak, sardin, mi, teh dan kopi. Pada awal Mac 2023, hampir 80 peratus kawasan perumahan di Segamat ditenggelami air, melibatkan lebih 13,000 mangsa banjir.

Sumbangan ini adalah selaras dengan komitmen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (“ESG”) UEM Edgenta untuk memberi impak positif kepada masyarakat melalui aktiviti dan penglibatan dermawan, sekaligus memberi manfaat kepada komuniti di kawasan di mana UEM Edgenta menjalankan operasi perniagaannya.

Inisiatif ini adalah bukti komitmen berterusan UEM Edgenta dalam memberikan bantuan yang sewajarnya kepada komuniti yang terjejas akibat bencana alam, dan juga tanggungjawab Syarikat dalam memberi sokongan dan bantuan yang berterusan kepada komuniti yang terjejas.

“Setiap individu mempunyai tanggungjawab untuk membantu sesiapa sahaja yang memerlukan bantuan, terutama sekali mereka yang terjejas akibat bencana alam ini. Bencana alam muncul tanpa amaran dan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja, termasuk orang tersayang. Sebagai individu, kita perlu sentiasa melakukan kebaikan dan dalam situasi ini, tindakan yang seeloknya membantu meringankan beban individu lain yang memerlukan. Ujian sebenar kehidupan seseorang individu adalah impak yang diberikan kepada individu lain. UEM Edgenta juga percaya dalam memberi semula kepada masyarakat, dan kami berharap sumbangan dan penglibatan kami ini dapat meringankan beban keluarga yang terjejas,” kata Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta.

Shaiful Subhan, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve Sdn Bhd dan Ketua Penyelesaian Penjagaan Kesihatan UEM Edgenta, menyerahkan sumbangan bekalan asas makanan tersebut kepada Napsiah Khamis, Setiausaha Politik kepada Menteri Kesihatan. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Wan Laila Fatimah, Ketua Komunikasi Korporat UEM Edgenta. Mereka kemudiannya melawat beberapa keluarga yang terjejas akibat banjir di daerah itu.

Pada Disember 2022, UEM Edgenta juga telah menyumbangkan makanan dan barangan keperluan bernilai RM 40,000 seperti baju hujan dan jaket keselamatan kepada 7,000 penerima bantuan di

Jabatan Bomba dan Penyelamat sebagai pengiktirafan peranan dan tanggungjawab mereka sewaktu musim tengkujuh pada akhir tahun.

-Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek dan perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Berpandukan visi 'Edgenta of the Future 2025', rangkaian menyeluruh perkhidmatan perniagaan UEM Edgenta didorong oleh kemajuan teknologi sepanjang kitaran hayat aset perniagaan termasuk perundingan, perolehan & perancangan pembinaan, operasi & penyelenggaraan, serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. Penyelesaian digital merentasi pelbagai industri meletakkan UEM Edgenta sebagai peneraju untuk menjadi Syarikat Penyelesaian Berdaya Teknologi dengan tumpuan pada penjagaan kesihatan menjelang 2025.

UEM Edgenta mempunyai kehadiran operasi di Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Kerajaan Arab Saudi.